

ATEHEXAL TABLET®

Atenolol (25mg, 50mg, 100mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Atehexal
2. Bagaimana Atehexal berfungsi
3. Sebelum menggunakan Atehexal
4. Cara menggunakan Atehexal
5. Semasa menggunakan Atehexal
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Atehexal
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Atehexal

Atehexal mengandungi bahan aktif yang dikenali sebagai Atenolol.

Atehexal digunakan untuk:

- Merawat tekanan darah tinggi
- Merawat degupan jantung yang tidak teratur
- Melegakan sakit dada
- Melindungi jantung dalam rawatan awal selepas serangan jantung

Bagaimana Atehexal berfungsi

Atehexal adalah dari kumpulan ubatan yang dikenali sebagai "beta-blocker". Ubat ini berfungsi menurunkan kadar degupan jantung dan seterusnya menyebabkan penurunan tekanan darah.

Sebelum menggunakan Atehexal

- Bila tidak boleh menggunakan

- Pernah mengalami alahan terhadap bahan aktif Atenolol, atau kepada bahan-bahan lain dalam Atehexal
- Pernah mengalami bengkak pada muka, bibir, lidah, kerongkong, tangan atau kaki
- Mempunyai degupan jantung lemah atau mempunyai masalah irama degupan jantung (halangan jantung paras kedua atau ketiga)
- Jantung anda tidak berfungsi dengan baik walaupun dengan rawatan ubat (kegagalan jantung tidak terkawal)
- Telah dimaklumkan anda mempunyai lebih kandungan asid dalam darah (acidosis)
- Telah dimaklumkan bahawa anda mempunyai ketumbuhan pada kelenjar adrenal (phaeochromocytoma) dan masih belum dirawat
- Degupan jantung yang perlahan atau tidak teratur, tekanan darah yang rendah atau sistem peredaran darah yang lemah

Sebelum mula menggunakan Atehexal

Beritahu doktor sekiranya anda:

- Mengalami sebarang penyakit jantung
- Mengalami sakit dada (angina pectoris) cth. Prinzmetal's angina
- Mempunyai sistem peredaran darah yang lemah atau kegagalan jantung yang terkawal
- Mempunyai penyakit koronari arteri (salur darah ke jantung menjadi sempit)
- Mempunyai penyakit kencing manis
- Mengalami hipertiroidisme (penghasilan hormone tiroid berlebihan)
- Mengalami sebarang masalah pernafasan contohnya asma.
- Mengalami masalah ginjal
- Akan menjalani pembedahan memerlukan ubat pelali (anestetik)
- Mempunyai sejarah dimana ahli keluarga pernah mengalami bengkak pada muka, bibir, lidah, kerongkong, tangan atau kaki
- Mengandung, bercadang untuk mengandung atau sedang menyusukan bayi

Bincang dengan doktor sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi. Anda mungkin perlu mengubah dos anda atau mengambil ubat lain. Doktor anda akan memberikan cadangan. Anda mesti maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengambil ubat-ubat yang berikut:

- *Verapamil*, *diltiazem* dan *nifedipine* (untuk tekanan darah tinggi atau sakit dada)
- Ubat untuk degupan jantung tidak tetap (cth: *disopyramide*, *amiodarone*)
- Ubat untuk rawatan kencing manis, termasuk insulin. Pengambilan bersama Atehexal boleh meninggikan risiko kejadian darah gula rendah
- *Epinephrine*, digunakan untuk rawatan alahan serius dan untuk merangsangkan jantung
- Sesetengah ubat untuk masalah otot (cth. *Baclofen*)
- Ubat anestetik
- Ubat anti-inflamatori bukan steroid (NSAIDS) untuk melegakan sakit (cth. *Indomethacin* dan *ibuprofen*)
- *Digoxin*, untuk masalah jantung
- *Clonidine*, untuk menurunkan tekanan darah dan rawatan migrain

Senarai ini mungkin tidak lengkap bagi semua interaksi yang mungkin berlaku. Tanya doktor atau ahli farmasi anda sama ada atenolol boleh berinteraksi dengan ubat-ubatan lain yang anda ambil.

- Semasa mengandung dan menyusui bayi

Elakkan tablet ini jika anda telah mengandung. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat-ubatan.

Jika anda sedang menyusukan bayi, anda tidak patut mengambil Atehexal kerana ia akan hadir dalam susu ibu.

Cara menggunakan Atehexal

Ikut arahan doctor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Telan Atehexal dengan air yang mencukupi dan ambil pada masa yang sama setiap hari.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor akan menentukan dos anda bergantung kepada situasi semasa anda.

Dewasa:

- Tekanan darah tinggi: dos biasa ialah 50mg hingga 100mg sehari.
- Sakit data: dos biasa ialah 100mg sehari atau 50mg dua kali sehari.
- Degupan jantung yang tidak teratur: dos biasa ialah 50mg hingga 100mg sehari.
- Rawatan awal bagi serangan jantung: dos biasa ialah 50mg hingga 100mg sehari.

Warga tua:

Jika anda ialah seorang pesakit tua, doktor anda akan memberikan dos yang lebih rendah, terutamanya jika anda mempunyai masalah ginjal.

Pesakit dengan masalah ginjal

Jika anda mempunyai masalah ginjal yang teruk, doktor mungkin menentukan dos yang lebih rendah.

Pesakit dengan masalah hati

Pelarasan dos adalah tidak diperlukan.

Kanak-kanak

Ubat ini tidak patut diberikan kepada kanak-kanak.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat ini sepertimana yang diarahkan dan tempoh rawatan adalah ditentukan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila ambil ubat anda sepertimana yang diarahkan oleh doktor anda. Ubat ini berfungsi untuk mengawal keadaan anda tetapi bukan menyembuhkannya. Adalah penting untuk terus mengambil ubat ini walaupun anda berasa sihat.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda terlebih dos adalah seperti berikut:

- Penurunan tekanan darah berlebihan
- Denyutan nadi yang lemah serta jantung terhalang pada paras berlainan (termasuk jantung terhenti)
- Kegagalan jantung dan mengalami kejutan akibat masalah jantung
- Pening
- Kesukaran untuk bernafas (bunyi seperti bersiul semasa bernafas)
- Muntah
- Pengsan

Semasa menggunakan Atehexal

- Perkara yang perlu dilakukan

- Patuhi arahan doktor atau ahli farmasi anda ketika menggunakan Atehexal. Sekiranya anda tidak pasti, rujuk doktor atau ahli farmasi anda.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain termasuk ubat yang diambil tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.

- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda perasan sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan menjadi serius yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.
- Jika anda hamil atau merancang untuk hamil semasa menggunakan Atehexal, maklumkan kepada doktor anda.
- Jika anda merancang mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil Atehexal.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil Atehexal tanpa merujuk kepada doktor anda. Adalah amat penting untuk tetap mengambil ubat anda walaupun anda sudah sihat.
- Jangan mengambil Atehexal selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada strip dan kotak ubat.
- Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun tanda-tandanya sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Atehexal mungkin menyebabkan kepeningan atau pitam, terutamanya semasa mengambil dos pertama atau selepas dos ditambahkan. Minuman alkohol boleh memburukkan simptom ini. Sekiranya anda mendapat simptom-simptom ini, jangan memandu kenderaan atau menggunakan apa-apa mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat lain, Atehexal boleh mendatangkan kesan sampingan kepada pesakit terutamanya pada permulaan pengambilan ubat walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda perasan sebarang tanda-tanda umum seperti berikut yang merisaukan anda:

- Rasa sejuk pada bahagian tangan dan kaki
- Lesu
- Cirit-birit
- Degupan jantung menjadi perlahan
- Gangguan gastrik (cth. loya dan sakit perut)

Luar biasa:

- Gangguan tidur
- Masalah hati (cth. enzim hati meningkat)

Jarang berlaku:

- Jantung tersumbat (yang boleh menyebabkan pening, degupan jantung yang tidak normal, letih atau pengsan)
- Kebas dan kejang pada jari-jari dan diikuti dengan kehangatan dan kesakitan (penyakit Raynaud's)
- Perubahan dalam personaliti (psychoses) atau halusinasi

- Sakit kepala
- Pening (terutamanya apabila berdiri)
- Kederian sesemut
- Mati pucuk
- Mulut kering
- Mata kering
- Gangguan penglihatan
- Keguguran rambut
- Ruam kulit
- Pengurangan bilangan platelet dalam darah (lebam menjadi lebih kerap)
- Bintik ungu pada kulit
- Jaundis (kekuningan kulit dan mata)

Sangat jarang berlaku:

• Perubahan dalam sel-sel atau bahagian lain dalam darah anda. Doktor anda mungkin akan mengambil sampel darah secara kerap untuk memeriksa sama ada Atehexal menyebabkan apa-apa kesan sampingan kepada darah anda.

Keadaan yang mungkin menjadi lebih teruk:

Jika anda mempunyai salah satu penyakit keadaan yang berikut, ia boleh menjadi lebih buruk apabila anda mula mengambil ubat ini. Ini jarang berlaku dan menjejaskan kurang daripada 1 dalam 1,000 orang.

- Psoriasis (sejenis penyakit kulit)
- Kesukaran bernafas atau bengkak pada pergelangan kaki (jika anda mempunyai kegagalan jantung)
- Asma atau mempunyai masalah pernafasan
- Sistem pengedaran darah yang lemah

Sila rujuk doktor dengan segera kerana anda mungkin memerlukan perhatian perubatan.

Reaksi alahan:

Sekiranya anda mengalami reaksi alahan, rujuk kepada doktor anda dengan segera. Tanda-tandanya termasuk bengkak pada bahagian muka, bibir, mulut, lidah atau tekak.

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mendapati kesan-kesan sampingan lain yang menyebabkan anda tidak sihat. Sesetengah pesakit mungkin mengalami kesan-kesan sampingan yang tidak disenaraikan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety)

Cara penyimpanan dan pelupusan

Atehexal

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang sejuk dan kering di bawah suhu 25°C.

Lindungi daripada panas, cahaya dan kelembapan.

Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Atehexal tablet adalah dalam bentuk tablet bulat, berwarna putih dengan garis pembelahan pada satu permukaan tablet.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Atehexal® 25: Ia mengandungi 25mg

Atenolol.

Atehexal® 50: Ia mengandungi 50mg

Atenolol.

Atehexal® 100: Ia mengandungi 100mg

Atenolol.

- Bahan tidak aktif

Maize starch, sodium dodecyl sulphate, gelatin, heavy magnesium carbonate, magnesium stearate, opadry white (colouring agent).

- Bungkusan

Atehexal tablet dibungkus dalam pek 30, 50 atau 100 biji tablet sekotak.

- Nombor MAL

Atehexal® 25: MAL20021163AZ

Atehexal® 50: MAL20021164AZ

Atehexal® 100: MAL20021165AZ

Pengilang

Salutas Pharma GmbH

Otto-von-Guericke-Allee 1,

39179 Barleben, Germany

Untuk:

HEXAL AG

Industriestraße 25

D-83607 Holzkirchen

Germany.

Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.

No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,

Medan Niaga Kepong,

51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/10/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)280917/00257